

Remaja disuntik vaksin selepas 80 peratus dewasa lengkap 2 dos

Berita HARIAN (07/09/2021) M1502

KKM kemas kini garis panduan klinikal, akan utama individu berumur 16 hingga 17 tahun

Oleh Mohd Roji Kawi, Rafiqah Dahali dan Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Kota Kinabalu: Vaksinasi terhadap remaja di negara ini, hanya akan dilaksanakan selepas sekurang-kurangnya 80 peratus populasi dewasa di sesebuah negeri itu, melengkapkan dos vaksin masing-masing.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata berdasarkan penanda aras terbabit, vaksinasi terhadap remaja hanya akan dimulakan dengan syarat bekalan vaksin yang mencukupi.

“Sarawak mula memberi vaksin kepada remaja pada minggu ini kerana mereka telah mencapai 80 peratus populasi orang dewasa yang telah divaksin.

“Apa yang kita sarankan, apabila mempunyai bekalan mencu-

kupi dan negara mencapai 80 peratus populasi orang dewasa yang divaksin, kami akan mengesyorkan vaksinasi untuk remaja. Fokus kita adalah kepada yang berisiko tinggi.

“Kita juga telah mengemas kini garis panduan klinikal dan mereka yang berumur 16 hingga 17 tahun akan diutamakan terlebih dahulu,” katanya selepas mempengerusikan mesyuarat bersama Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (CI-TF) Sabah di Pusat Pentadbiran Negeri Sabah, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Menteri Sabah, Datuk Hajiji Noor dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Sementara itu di Kuching, Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Abang Johari Abang Openg, berkata kerajaan negeri masih meneliti lokasi sesuai bagi melaksanakan program vaksinasi remaja berumur antara 12 hingga 18 tahun yang dijadualkan bermula esok.

Katanya, pakar sedang menilai kaedah paling berkesan melaksanakan program itu, sama ada di pusat pemberian vaksin (PPV) sedia ada atau di sekolah masing-masing.

“Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak dan Jabatan Pendidikan Negeri sedang meneliti perkara ini (kese-



Hajiji (kiri) mempengerusikan mesyuarat bersama Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Sabah yang turut dihadiri Khairy Jamaluddin di Kota Kinabalu, semalam. (Foto Mohd Adam Arinin /BH)

luruhan proses vaksinasi remaja).

“Kami masih menunggu keputusan rasmi, namun kerajaan negeri sudah bersedia memastikan infrastruktur lengkap bagi menjamin kelancaran program itu,” katanya ketika ditemui selepas sambutan Hari Inovasi serta Integriti Jabatan Tanah dan Survei Sarawak di sini, semalam.

Dianggarkan 240,000 remaja berusia 12 hingga 18 tahun di Sarawak akan menerima vaksin

melalui Program Imunisasi COVID-19 (PICK).

Sementara itu di Putrajaya, Ketua Unit Kesihatan Awam yang juga Ketua Penyelaras Program Vaksin Hospital Putrajaya, Dr Siti Alia Elliza, berkata pihaknya sudah sedia melaksanakan suntikan terhadap remaja bawah 18 tahun di Pusat Pemberian Vaksin Khas hospital itu.

Beliau berkata, remaja 18 tahun ke bawah yang menerima

vaksin di PPVK itu terdiri daripada pesakit yang dirujuk oleh doktor pakar hospital berkenaan, selain rujukan daripada pusat kesihatan luar serta PPV awam.

“Kami sudah melaksanakan pemberian vaksin kepada 5,115 penerima bermula Mei lalu,” katanya selepas menghadiri majlis penyerahan khemah PPVK pendingin hawa sumbangan Putrajaya Holdings Sdn Bhd (PJH) di sini, semalam.